

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 APRIL 2015 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	TPM Biotech dan usahawan pamer produk sempena Bio-Borneo 2015	Bernama.com
2	Jamaludin Jarjis tokoh belakang tabir	Mingguan Malaysia
3	Sutra Haruman kehidupan anda	Mingguan Malaysia

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 19 APRIL 2015 (AHAD)



TPM Biotech Dan Usahawan Pamer Produk Sempena Bio-Borneo 2015

KOTA KINABALU, 19 April (Bernama) -- TPM Biotech Sdn Bhd (TPM Biotech) bersama-sama empat syarikat usahawan akan mempamerkan rangkaian perkhidmatan dan produk mereka sempena pameran Bio-Borneo 2015 pada 20-21 April.

Empat syarikat yang mengambil bahagian di bawah panji-panji TPM Biotech ialah syarikat berpangkalan di Sabah, Tradewin Global Energy (M) Sdn Bhd dan Nusayba Sdn Bhd bersama-sama Kurnia Abadi Enterprise dengan Dyom Herbs Sdn Bhd dari Perlis.

Ketua Pegawai Eksekutif TPM Biotech Ahmad Husni Johari berkata penyertaan TPM Biotech dalam ekspo itu untuk menggalakkan dan memperkasa usahawan bio, terutama di peringkat akar umbi, mengenai peluang perniagaan besar, yang bioteknologi tawarkan.

Beliau berkata tumbuh-tumbuhan biodiversiti yang banyak, herba dan produk semula jadi yang lain, menjadikan Malaysia terutama di Sabah dan Sarawak, syurga mempercepatkan pertumbuhan industri bioteknologi di Malaysia.

"Memandangkan bidang bioteknologi adalah sektor yang mampan dan menguntungkan, TPM Biotech mempunyai peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi dalam kalangan penduduk luar bandar untuk menjana kekayaan melalui sains, teknologi dan inovasi.

"Atas alasan ini, kami berharap dapat mendidik, meningkatkan kesedaran awam dan membantu rakyat Sabah mengenai peluang yang luas yang masih belum lagi diterokai dalam bidang bioteknologi," kata Husni dalam kenyataan kepada Bernama di sini Ahad.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Ewon Ebin dan Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Panglima Yahya Hussin akan merasmikan pameran dua hari anjuran MOSTI dan Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDA) di Magellan Sutera, Sutera Harbour di sini.

Sementara itu, Husni berkata ekspo itu juga akan mempamerkan teh kayu manis yang baru dibangunkan dan minyak pati oleh TPM Biotech untuk usahawan Keningau Datuk Justin Guka daripada Tradewin Global Energy.

Beliau menambah Nusayba akan mempamerkan produk koko dan serbuk teh, Dyom Herbs akan mengetengahkan jus buah-buahan manakala Kurnia Abadi akan menunjukkan Altea, produk teh gaharu yang dihasilkan di TPM Biotech Raub.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR TEMPATAN MINGGUAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 9 TARIKH: 19 APRIL 2015 (AHAD)

AMIZUL TUNIZAR
AHMAD TERMIZI

Jamaludin Jarjis tokoh belakang tabir

INTELEKUAL, komited dan baik hati. Tiga perkataan itu menyimpulkan karakter bekas Penasihat Khas Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Jamaludin Jarjis dari sudut pandangan mereka yang pernah mengenali rapat dan bekerja bersamanya sebelum beliau terkorban dalam nahas helikopter di Kampung Sungai Pening, Semenyih, Selangor pada tanggal 4 April lalu.

Sumbangan bekas Ahli Parlimen Rompin itu kepada negara amat besar sehingga Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak amat sedih dengan apa yang berlaku dan menyifatkan kehilangan Allahyarham sebagai satu tragedi besar.

Menurut Setiausaha Akhbar Perdana Menteri, Datuk Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad, Jamaludin seorang yang amat komited dengan kerjanya dan akan buat sehabis-habis baik untuk mencapai apa yang beliau mahu buat.

Katanya, Allahyarham juga suka menolong orang dan selalu ke hadapan jika ada masalah bagi membantu menyelesaikannya. "Malam sebelum kejadian itu, saya dan Tan Sri makan malam dengan orang UMNO Bahagian di Pekan, Pahang. Semasa pemasangan khemah untuk jamuan itu, lampu beberapa kali padam dan menyala semula.

"Dengan latar belakang dalam bidang kejuruteraan elektrik, Tan Sri menjadi juruelektrik tengok apa masalah. Dia kemudian meminta pekerja di situ mencabut wayar kipas bagi mengelak berlaku power trip," katanya.

Diiktiraf Amerika

Tengku Sariffuddin yang banyak mengenali Jamaludin kerana sama-sama bekerja di Jabatan Perdana



menteri berkata, kehilangan Jamaludin amat dirasai kerana Allahyarham banyak melakukan kerja penting di belakang tabir termasuk dalam memperluaskan hubungan diplomatik, politik dan strategik antara Malaysia dan Amerika Syarikat (AS).

"Sebab itu, apabila beliau meninggalkan dunia, banyak rakaman takziah dan penghargaan diberikan oleh pihak AS termasuk oleh Setiausaha Negaranya, John Kerry dan Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-ASEAN (USABC). Malah, Kedutaan Amerika di Malaysia mengibarkan bendera separuh tiang sebagai memperingati Allahyarham.

"Mereka akui peranan Tan Sri di belakang tabir banyak menyumbang kepada hubungan kedua-dua buah negara. Tan Sri sebenarnya banyak memberikan sumbangan dari segi perkara yang tidak dikehendaki oleh media tetapi ia menyumbang kepada kejayaan perancangan dan program," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan PRIMA, Datuk Abdul Mutualib Alias masih terasa kehilangan Jamaludin sehingga hari ini kerana sudah menganggap bekas Pengurus perbadanan itu sebagai mentor dan abang kandungnya sendiri.

Beliau yang bekerja bersama Jamaludin sejak Allahyarham di Kementerian Kewangan pada 2002, menyifatkan bekas Menteri Kewangan II itu sebagai seorang yang cerdik dan mempunyai pemahaman serta boleh membuat analisis mendalam terhadap isu-isu semasa yang memberi kesan kepada rakyat.

"Kita nampak di permukaan sahaja tetapi arwah pergi lebih mendalam untuk faham isu-isu begini. Arwah juga seorang yang kalau sudah faham sesuatu isu,

beliau akan ghairah dengan perkara itu dan akan buat sampai berjaya untuk kebaikan rakyat.

Sumber rujukan

"Sebagai individu, arwah seorang lelaki yang bijak. Sebagai bos, saya melihat beliau sebagai mentor. Saya banyak belajar daripada cara pemikirannya yang berstruktur. Sebagai seorang yang mempunyai doktor falsafah dalam bidang Kejuruteraan Elektrik, apabila menganalisis isu, arwah tengok secara berstruktur," katanya.

Menurut Abdul Mutualib, sebagai seorang rakan, beliau amat senang apabila mengadakan perbincangan intelektual dengan Jamaludin kerana Allahyarham sentiasa memberikan peluang kepada untuk mengutarakan idea, walaupun tidak semestinya pandangan itu diterima.

"Semua staf PRIMA merindui beliau. Arwah ini ibarat, kalau kita ada isu yang tidak boleh selesai, kita cari beliau dan arwah akan beri kita jalan atau cara menyelesaikan masalah. Beliau adalah sumber rujukan kepada kami semua.

"Satu lagi perangai arwah adalah kalau beliau terfikir atau teringat sesuatu benda penting atau masalah di tengah malam atau dalam kereta, arwah tidak akan catat dalam buku nota atau tunggu esok, sebaliknya beliau akan terus hubungi pegawai untuk melihat isu tersebut," tambah beliau.

Katanya, Allahyarham juga seorang yang amat sensitif terhadap orang susah dan tidak pernah menolak jika orang meminta bantuan daripada beliau.

"Saya pernah tengok dengan mata saya sendiri arwah ini banyak bantu orang susah, buat kerja kebajikan dan hal-hal Islamiah terutamanya dakwah. Kalau orang minta bantuan, saya tidak pernah tengok beliau kata tidak," ujarnya.

Kejadian yang menimpa

Jamaludin turut memberikan kejutan besar kepada angkasawan pertama negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha kerana Allahyarham selaku **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi** pada masa itu bertanggungjawab menjayakan program Angkasawan Negara dengan kerjasama Rusia.

Kata Sheikh Muszaphar, walaupun tidak mengenali Jamaludin secara rapat, Allahyarham tiga kali datang melihat beliau menjalani latihan di Pusat Latihan Kosmonaut Gagarin di Star City, Moscow, Rusia bagi memastikan segalanya berjalan lancar sebelum berlepas ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

"Tan Sri sering memastikan saya sentiasa menjaga kesihatan dan berpesan kepada saya supaya melakukan yang terbaik untuk negara apabila pergi ke angkasa. Saya lihat Tan Sri seorang yang berjiwa besar, periang dan mempunyai visi besar dan tahu apa yang beliau hendak buat. Beliau seorang yang sentiasa berfikir," katanya.

Menurut Sheikh Muszaphar, selepas kembali dari angkasa, beliau beberapa kali pernah mengikut Jamaludin berjumpa dengan penduduk Rompin dan melihat Allahyarham menjaga kawasanannya dengan baik sehingga amat disenangi rakyat.

Katanya, kali terakhir beliau bertemu dengan Allahyarham ialah dalam satu majlis perkahwinan di Pahang dua bulan lalu dan dalam pertemuan itu, Jamaludin meminta beliau supaya meneruskan usahanya menggalakkan golongan belia menjadi angkasawan.

"Tan Sri ada minta saya buat buku meja kopi (coffee-table) tentang kisah penjelajahan saya ke angkasa dari awal hingga akhir dengan gambar yang belum pernah disiarkan sebelum ini. Buku ini sudah siap minggu lepas tetapi saya terkilan kerana Tan Sri tidak sempat melihatnya," ujarnya.

KERATAN AKHBAR TEMPATAN MINGGUAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 9 TARIKH: 19 APRIL 2015 (AHAD)

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN
www.khairunnisa-sulaiman.com.my

SEMUA orang tentu suka suasana yang selesa dengan haruman yang menyegarkan. Ada yang meletakkan pewangi yang dibeli di kedai dan yang lebih tradisional menggunakan daun pandan atau pelbagai jenis bunga dari rumah.

Bagi memudahkan pengguna mendapatkan pewangi semula jadi dengan kaedah teknologi tinggi, sebuah syarikat bumiputera yang berstesen BioNexus dan Perbadanan Bioteknologi Malaysia (Biotechcorp) sebagai agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menjalankan kajian dan menghasilkan produk haruman yang sesuai untuk semua menggunakan Jenama Sutra.

Pengasas produk Sutra dan syarikat Tropical Bio Essence Sdn Bhd (TBESB), Mohd Khairil Said yang mengedarkan produk Sutra berkata, Sutra adalah produk aromaterapi, penjagaan diri serta wajian berbasiskan minyak pati dan pada sumber semula jadi menggunakan slogan Haruman Kehidupan Anda.

Mohd Khairil yang juga Pengarah Urusan TBESB menambah, bukan mendapatkan hasil penyelidikan tersebut secara pemindahan teknologi dan memulakan perniagaan sendiri bermula tahun 2007 dan membuka premis pengeluaran hasil pinjaman perniagaan dari MARA serta bantuan geran Biotechcorp.

"Sutra mampu menemani pengguna sepanjang hari, setiap masa dan tempat. Sutra bermaksud rantaian yang menyatakan sesuatu menjadi lebih kukuh. Begitu juga dengan diri kita di mana terdapat tiga perkara perlu diseimbang atau disatukan laju minda, fizikal dan jiwa.

"Untuk mendapatkan kehidupan sempurna, ketiga-tiga perkara ini harus seimbang dan salah satu cara untuk mendapatkannya adalah secara rawatan aromaterapi," katanya yang juga seorang ahli khidmat.

Mohd Khairil ialah graduan Ijazah Sarjana dalam Bidang Kimia Marin dari Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan berpengalaman sebagai Pegawai Penyelidik di Institut Bioteknologi Melaka selama tiga tahun.

Memurutnya, Sutra dicipta serta diformulasikan menggunakan minyak pati tulen bagi memberikan kesan dan faedah aromaterapi sebenar.

"Minyak pati merupakan minyak mudah merup, beraroma serta mempunyai molekul fitokimia yang sesuai dengan bentuk sangat ringkas, pelbagai guna dan mempunyai pelbagai manfaat dan memenuhi kehendak pengguna iaitu halal, semula jadi dan sangat berkesan."



TEKNO

Sutra Haruman kehidupan anda

Minyak pati memasuki sistem badan manusia secara hidu, lalu deria paling sensitif yang mengawal emosi, pemikiran serta tindakan seseorang



setiap komponen fitokimianya mempunyai fungsi tertentu terhadap manusia.

"Saiz molekulnya yang halus mampu merentasi lapisan kulit dan memberi sel dengan cepat dan mampu meresapi seluruh badan manusia sekitar 30 minit.

"Minyak pati memasuki sistem badan manusia secara hidu, iaitu deria paling sensitif yang mengawal emosi, pemikiran serta tindakan seseorang.

"Selain itu minyak pati memasuki badan apabila bersentuhan dengan kulit, biasanya apabila menggunakan minyak urutan.

"Minyak pati yang mempunyai sifat antibakteri dan antivirus akan menjalankan peranannya dalam membasmi bakteria dan virus jika terdapat di dalam salur darah, sekali gus meningkatkan sistem imun manusia," katanya.

Molekul

minyak pati yang dikesan oleh sistem limfik dan bertindak balas dengan kelenjar pituitari dan hipotalamus mampu mengawal diet atau pemakanan manusia, mengawal atur aktiviti hormon dalam sistem endokrin, pengeluaran insulin serta mengawal keinginan, motivasi dan kreativiti.

Sutra dicipta dengan bentuk sangat ringkas, pelbagai guna dan mempunyai pelbagai manfaat dan memenuhi kehendak pengguna iaitu halal, semula jadi dan sangat berkesan.

Produk Sutra dikeluaran dalam premis bersertis ISO 9001:2008, GMP dan Halal.

Premis pengeluaran berpusat di Kawasan Perindustrian Masjid Tanah ketika ini mempunyai 20 orang pekerja termasuk Pengawal Kawalan Mutu, Pegawai Penyelidik,



ANTARA produk Sutra yang dihasilkan oleh TBESB menggunakan teknologi terkini SFE.

Pengurusan Teknikal, Pegawai Kewangan dan Pegawai Pemasaran.

TBESB mempunyai makmal penyelidikan sendiri untuk menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan produk baru.

Mohd Khairil berkata, Sutra mempunyai lebih 50 jenis produk yang dibahagikan kepada tiga kategori iaitu "aromatherapy", "fragrance" dan "Wellness".

Sutra Aromatherapy lebih fokus kepada produk aromaterapi dengan tujuan membantu pengguna yang ingin merasakan suasana spa serta memanjakan diri

tetapi mempunyai masa terbatas.

Antara produknya ialah minyak pati campuran, minyak urutan, garam rendaman kaki dan badan, gel mandian, sabun dan semburan bantal.

Sutra Fragrance ialah wangian semburan Eau de Parfume (EDP) terhasil daripada gabungan minyak pati bunga, buah-buahan serta kayu-kayuan.

EDP mampu mengimbangkan emosi, fizikal dan mental serta menambahkan keyakinan pengguna.

"Sutra Wellness pula meliputi

produk wajian yang boleh digunakan di rumah atau di mana sahaja.

"Antara produk yang mendapat pemintaan tinggi ialah Semburan Aromaterapi Pelbagai Gunung yang boleh digunakan sebagai penyeagar udara, pembersih cermin dan meja serta ironing aid," katanya.

Terdapat juga Gel Aloevera yang sangat sesuai untuk melela dan melembabkan kulit, membantu merawat masalah sakit kulit seperti ekzema, ruam, terkena minyak panas, jerawat dan selaran matahari atau sunburn.

Mohd Khairil berkata, Sutra dikeluaran oleh syarikat TBESB ialah syarikat yang mengeluarkan produk minyak pati, ekstrak herba dan produk aromaterapi.

TBESB sudah beroperasi selama lapan tahun. TBESB sedang di dalam tahap pengembangan sama ada dari segi peningkatan fasiliti pengeluaran, pengedaran di peringkat dalam dan luar negara.

TBESB menggunakan teknologi terkini dalam penyulingan minyak pati dan pengeksrakan ekstrak herba serta dalam peringkat peningkatan teknologi tinggi seperti Supercritical Fluid Extraction (SFE).

"Misi kami adalah mengukuhkan jenama Sutra dengan menghasilkan pelbagai produk berkualiti tinggi setanding produk luar negara.

"Kami akan memastikan kualiti tinggi akan sentiasa dicapai dengan sokongan sistem pembuatan dan penyelidikan moden dan berkesan.

"Program pemasaran kreatif serta jaringan pengedaran sistematis dan komprehensif menggunakan saluran jalur terus, kewujudan berterusan secara online seperti portal web, blog dan media sosial," katanya.

Mohd Khairil berkata dengan menggunakan pendekatan pelbagai saluran, pihaknya mampu memasarkan produk ke kumpulan sasaran secara berterusan dan berkesan.

Ketika ini Sutra telah diedarkan hampir ke seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Sutra telah mempunyai hampir 800 pengedar yang sentiasa membantu dan menyebarkan manfaat SUTRA.

Ketika ini SUTRA sedang dipasarkan ke negara jiran seperti Brunei, Indonesia dan Singapura.

Kumpulan sasaran Sutra adalah wanita sama ada berkerjaya atau suri rumah.

Kumpulan ini menyumbang 73 peratus daripada pengguna Sutra. Kebanyakannya mereka berumur di antara 24 hingga 45 tahun kebanyakannya tinggal di kawasan bandar dan pinggir bandar.

Secara faktanya, wanita mewakili 85 peratus pembeli di

Malaysia terutamanya produk kosmetik, penjagaan diri dan produk kesihatan.

Kajian menunjukkan wanita membuat 80 peratus keputusan dalam menentukan produk kesihatan keluarga, 55 peratus merujuk kepada media sosial dan blog untuk membeli secara online.

Dan 50 peratus wanita menyatakan mereka memilih produk semula jadi, Halal dan berkesan.

Sutra menasarkan syarikat pengangkutan terutama teksi serta hotel untuk menggunakan produk Sutra terutamanya semburan aromaterapi pelbagai guna.

"Sebelum ini, kita dapat lihat pemandu teksi menggunakan daun pandan untuk mengharumkan kereta dan semburan.

"Begini juga dengan penyeagar udara di hotel, kebanyakan dari bahan sintetik, Sutra menawarkan semburan penyeagar udara semburan yang mempunyai nilai perubatan," katanya.

Mohd Khairil menambah, bagi Sutra dan TBESB, amat penting bagaimana mereka berkongsi ilmu pengetahuan, menyebarkan manfaat produk kepada masyarakat dan mewujudkan penggunaan semburan haruman di kawasan baru yang ingin berkongsi kejayaan.

"Sekali lagi, mempromosikan halal, semula jadi, ringkas dan mudah adalah nilai osas kami kepada pelanggan dan pengguna Sutra.

"Sasaran kami untuk lima tahun akan datang adalah mengukuhkan jenama Sutra di dalam dan luar negara dan memastikan Sutra berada di setiap isi rumah di Malaysia," katanya.

Produk terbaru adalah wangian Sajadah, iaitu wajian untuk sejahar yang didatangkan dalam dua wajian iaitu Sajadah Rawah dan Sajadah Rumi yang mampu memberikan suasana di tanah suci.

Malumat lanjut berkata produk Sutra dan peluang perniagaan boleh didapati di laman web www.sutras.my.



MOHD. KHAIRIL